



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UHAS 2122
KOD KURSUS

COURSE NAME : CRITICAL AND CREATIVE THINKING /
NAMA KURSUS : PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIF

YEAR / PROGRAMME : 2 / ALL PROGRAMMES
TAHUN / PROGRAM : 2 / SEMUA PROGRAM

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : OCTOBER 2016
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. Jawab **SEMUA** soalan di dalam borang OMR yang disediakan. (40 MARKAH)
2. Jawab **SEMUA** soalan di dalam **BUKU JAWAPAN** yang disediakan. (20 MARKAH)

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:	<u>AYU SYAFIQAH BINTI MOHD HEZAM</u>
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	<u>960423-01-5502</u>
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	<u>DOPW / 2</u>
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	<u>KIPJ</u>
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	<u>PUAN AISAH KHAIRUDIN</u>

This examination paper consists of ...13... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi13..... muka surat termasuk kulit hadapan

Bahagian A : (40 Markah)

Jawab Semua Soalan di dalam borang OMR yang disediakan.

“Orang ini tidak prihatin terhadap kesan daripada tindakannya baginya bertindak amat mudah jika mengikut kebiasaan yang telah diamalkan sebelum ini”.

1. Pernyataan di atas merujuk kepada:
 - A. Berfikir – Bertindak.
 - B. Berfikir – Tanpa bertindak.
 - C. Bertindak – Tanpa berfikir.
 - D. Tidak bertindak – Tanpa berfikir.

2. “Manusia ialah haiwan yang suka bertanya”
Pernyataan ini telah dikemukakan oleh seorang ahli falsafah yang terkenal iaitu:
 - A. Al-Imam Ghazali.
 - B. August Comte.
 - C. Charles Darwin.
 - D. Aristotle.

3. Keadaan ini merupakan pengetahuan yang diperolehi tanpa melalui proses pemikiran tertentu:
 - A. Intuisi.
 - B. Persepsi.
 - C. Logik.
 - D. Induktif.

4. Umumnya kajian-kajian saintis pada masa dahulu dan kini mendapati otak terbahagi kepada dua bahagian iaitu:
 - I Otak Besar.
 - II Otak Kecil.
 - III Homesfera Otak Kanan (HOKA)
 - IV Himesfera Otak Kiri (HOKI).
 - A. I dan II.
 - B. II dan IV.
 - C. III dan IV.
 - D. Semua di atas.

Akal yang waras dan sihat sama dengan mata yang terang. Wahyu pula sama dengan matahari. Dengan sinar matahari, mata akan dapat melihat dengan lebih besar, terang dan jelas.

5. Pernyataan di atas telah dikemukakan oleh seorang ahli falsafah yang terkenal iaitu:
- A. Mohad Salleh.
 - B. Al-Imam Ghazali.
 - C. Charles Darwin.
 - D. Aristotle.
6. Berikut merupakan kategori logik yang telah dinyatakan oleh jujun (1990) **kecuali**:
- A. Logik moden.
 - B. Logik tradisional. // *klasik*
 - C. Logik simbolik.
 - D. Logik sains.
- Rahim dan Akmal menikmati hidangan di sebuah restoran XYZ. Mereka memesan menu yang sama tetapi Rahim dan Firdaus mempunyai persepsi yang berbeza mengenai makanan tersebut.
7. Merujuk kepada situasi diatas, apakah sifat persepsi antara Rahim dan Firdaus?
- A. Persepsi berkesinambungan.
 - B. Persepsi amat selektif.
 - C. Persepsi sering berubah-ubah.
 - D. Persepsi bersifat personal.
8. Apakah makna falsafah mengikut pandangan Sidi Gazalba?
- A. Falsafah ialah sistem kehakiman yang menjadi tunjang pentadbiran sesebuah negara.
 - B. Falsafah ialah sistem kebenaran tentang sesuatu yang dipersoalkan sebagai hasil daripada berfikir.
 - C. Falsafah merupakan usaha daya berfikir tahap tinggi yang mengaplikasikan kemudahan teknologi dan komunikasi yang sedia ada masa kini.
 - D. Falsafah bagaikan sehelai kain putih yang terbentang suci bersih dan menekankan erti kebenaran dan kesepaduan hakikat realiti kehidupan.

9. Berikut adalah jenis-jenis persepsi **kecuali**:

- A. Persepsi Logik.
- B. Persepsi Auditori.
- C. Persepsi Kinestetik.
- D. Persepsi Visual.

- Ilmu keibubapaan mampu memberi panduan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak.
- Nilai norma dan sistem kepercayaan disosialisasikan oleh ibu bapa.
- Agen pemikiran ini perlu diberi perhatian kerana mampu membangun atau meranapkan pemikiran anak-anak.

10. Agen pemikiran yang dimaksudkan di atas ialah;

- A. Pedidikan.
- B. Baka.
- C. Keluarga.
- D. Pengalaman sendiri.

11. "*Kejadian ini berlaku apabila otak menerima sesuatu maklumat itu sebagai peristiwa, kejadian, dan perkara yang dicerap menerusi pancaindera secara mutlak*". Pernyataan ini merujuk kepada:

- A. Motivasi Diri.
- B. Mental Set.
- C. Penumpuan.
- D. Tempoh Masa.

12. Apakah yang dimaksudkan dengan Persepsi Auditori?

- A. Persepsi yang melibatkan deria pendegaran.
- B. Persepsi yang melibatkan deria penglihatan.
- C. Persepsi yang melibatkan deria rasa, bau dan sentuhan.
- D. Persepsi yang melibatkan proses berfikir dan logik.

13. Pemikiran otak kiri iaitu otak kritis banyak manfaat dan hikmahnya. Berikut adalah kelebihan memiliki pemikiran kritis iaitu:

- I. Menjadi lebih matang. ✓
- II. Bersifat reaktif.
- III. Berjiwa besar, yakin dan berani. ✓
- IV. Sensitif (peka) dan prihatin. ✓

- A. I, II dan III.
- B. I, II dan IV.
- C. 1, II dan III
- D. I, II dan IV

14. Kekurangan pemikiran kritis adalah seperti berikut **kecuali**:

- A. Sensitif dan prihatin.
- B. Mementingkan logik dan rasional.
- C. Penilaian mesti tepat dan jelas.
- D. Idea mestilah praktikal.

"Suatu peraturan dan kaedah untuk mengawal dan memandu pemikiran manusia (peraturan dan undang-undang berfikir)"


15. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada:

- A. Persepsi.
- B. Perspektif.
- C. Logik.
- D. Andaian.

16. Menurut Richard (1989) kesilapan persepsi disebabkan:

- A. Berkait dengan estima diri.
- B. Pengalaman masa lalu.
- C. Pengetahuan yang diperolehi tanpa melalui proses pemikiran tertentu.
- D. Daya inferens (telahan) total semasa menterjemahkan input yang diterima melalui persekitaran.

Soalan 17 adalah berdasarkan rajah di bawah.



17. Rajah di atas merujuk kepada:

- A. Logik Deduktif.
- B. Logik Induktif.
- C. Kelemahan Logik.
- D. Piramid Persepsi.

18. Antara berikut, yang manakah **tidak** berkaitan dengan pelbagai bidang logik?

- A. Sifat.
- B. Bahasa.
- C. Agama.
- D. Moral politik.

19. **Fasa pertama : Mata menghantar maklumat ke otak**
Fasa kedua : Otak memberitahu mata apa yang dilihat
Berdasarkan dua fasa di atas, proses apakah yang berlaku?

- A. Berfikir.
- B. Mendengar.
- C. Logik.
- D. Melihat.

20. *"Persepsi adalah tahap pertama proses berfikir. Tahap kedua ialah logik. Persepsi mempengaruhi apa yang dilihat oleh logik. Ringkasnya persepsi menentukan logik"*
Siapakah tokoh yang memberikan definisi persepsi di atas?

- A. Solso, 1991.
- B. Boon dan Ragbir, 1998.
- C. Newman, 1983.
- D. Edward de Bono, 1969. - *Persepsi & Logik.*

21. Berikut adalah padanan berkaitan dengan ahli falsafah dan aliran pemikiran yang diperkenalkan, **kecuali**:

- A. Emmanuel Kant - Relativisme.
- B. William James - Rasionalisasi.
- C. August Comte - Positivisme. ✓
- D. Charles Darwin - Evolusi.

22. Apakah yang dimaksudkan sebagai zon selesa?

- A. Kedaaan apabila seseorang individu tersebut bebas melakukan sesuatu perkara asalkan tidak menyalahi undang-undang.
- B. Konsep abstrak yang dilambangkan oleh satu suasana keselesaan yang dirasai dan dialami oleh seseorang dalam bentuk material, kasih sayang dan sebagainya.
- C. Proses sosialisasi yang membolehkan seseorang itu berfikir kritis dan terbuka.
- D. Persekitaran yang bersih dan bebas daripada pencemaran alam.

23. Berikut adalah elemen-elemen berfikir menurut Barat **kecuali** :

- A. Kedudukan.
- B. Keharmonian.
- C. Pangkat
- D. Wang

24. Berikut merupakan tokoh-tokoh pemikiran dalam Islam, **kecuali**:

- A. Ibnu Sina
- B. Ibnu Bajjah
- C. Al-Kindi
- D. Al-Omar

25. Antara perkara yang perlu dilakukan untuk memastikan cara memaksimumkan fungsi otak ialah;

- A. Kurangkan senaman.
- B. Hindari terlalu banyak makan.
- C. Jangan bersarapan.
- D. Kurangkan pembacaan buku.

26. Kajian-kajian otak secara anatominya telah dijalankan secara makmal melalui kaedah:

- A. Pemerhatian.
- B. Pengamatan.
- C. Pembedahan.
- D. Penyelidikan terdahulu.

27. Kajian yang dijalankan oleh Roger Sperry dan Ornstein pada tahun 1960, telah membuka lembaran baru kepada pengetahuan masyarakat tentang fungsi otak. Menerusi kajian mereka otak boleh dipecahkan kepada dua bahagian penting iaitu:

- I Otak Kiri yang memainkan fungsi kreatif.
- II Otak Kanan yang memainkan fungsi kritis.
- III Otak Kiri yang memainkan fungsi kritis.
- IV Otak Kanan yang memainkan fungsi kreatif.

- A. I dan II.
- B. III dan IV.
- C. I dan III.
- D. II dan IV.

28. Antara ideologi (isme-isme) hasil dari pemikiran moden Barat adalah :

- I. Sekularisme. ✓
- II. Kapitalisme.
- III. Feminisme. ✓
- IV. Konsumerisme.

- A. I, II dan III.
- B. II, III dan IV.
- C. I, III dan IV.
- D. Semua di atas.

29. Mengubah cara kita melihat sesuatu keadaan, peristiwa, benda dan sebagainya merujuk kepada;

- A. Cara Mengubah Persepsi Logik
- B. Kesimpulan Logik
- C. Jenis-jenis persepsi
- D. Logik Induktif

30. Siapakah antara tokoh dibawah yang terlibat pada zaman Logik Klasik Barat?

- A. Socrates
- B. Newton
- C. Ibnu Sina
- D. Rene Descartes

Soalan 31 dan 32 rujuk rajah di bawah.

Ned Hermann telah mengecilkan bahagian otak kepada empat kuadran berdasarkan fungsi dan peranan yang lebih mengkhusus. Beliau menamakan teori ini sebagai *Hermann Brain Dominance Instrument (HBDI)*.

KUADRAN	BAHAGIAN OTAK	FUNGSI UTAMA
/	W	Logik; Analitik; Fakta Kuantitatif
/	X	Pengelolaan; Urutan; Perancangan Terperinci
/	Y	Perasaan (Interpersonal); Kinestatik Emosi; Peramah
/	Z	Holistik; Intuitif; Kesepaduan; Sintesis

31. Bahagian Otak yang bertanda **W** merujuk kepada:

- A. Hemisfera Kiri Atas (Otak kiri Atas).
- B. Hemisfera Kiri Bawah (Otak Kiri Bawah).
- C. Hemisfera Kanan Bawah (Otak Kanan Bawah).
- D. Hemisfera Kanan Atas (otak Kanan Bawah).

32. Bahagian Otak yang bertanda Z merujuk kepada:

- A. Hemisfera Kiri Atas (Otak kiri Atas).
- B. Hemisfera Kiri Bawah (Otak Kiri Bawah).
- C. Hemisfera Kanan Bawah (Otak Kanan Bawah).
- D. Hemisfera Kanan Atas (Otak Kanan Atas).

33. Logik berfungsi sebagai:

- I. Aktiviti kumpul maklumat dan analisis.
- II. Membuat Persepsi.
- III. Kenal pasti apa yang betul apa yang salah.
- IV. Mementingkan maklumat dan fakta.

- A. I, II, III.
- B. II, III, IV.
- C. I, III, IV.
- D. Semua di atas.

34. Apakah yang dimaksudkan sebagai penjanaan akal secara radikal?

- A. Menghala kepada usaha berfikir yang bersungguh-sungguh apabila sesuatu hal atau perkara memerlukan kita untuk berfikir.
- B. Merupakan satu sistem kebenaran tentang sesuatu yang dipersoalkan sebagai hasil daripada berfikir.
- C. Menghala kepada satu usaha yang dilakukan dengan jalan berfikir ke arah mencari hakikat dengan jalan kebenaran dan kebaikan menerusi alat berfikir iaitu akal.
- D. Menghala kepada usaha berfikir secara global tetapi bertindak secara lokal.

35. Logik berfungsi sebagai:

- I. Aktiviti kumpul maklumat dan analisis.
- II. Membuat persepsi.
- III. Kenal pasti apa yang betul apa yang salah.
- IV. Mementingkan maklumat dan fakta.

- A. I, II, III.
- B. II, III, IV.
- C. I, III, IV.
- D. Semua di atas.

- Bertindak / berfikir setelah terdedah dengan sesuatu rangsangan
- Mencari kelemahan dan kekurangan yang ada
- Menggali dan meneliti setiap aspek / bahagian
- Mencari-cari ruang untuk mempertikai / mempersoalkan sesuatu

36. Kenyataan di atas merujuk pada ciri-ciri:

- A. Stail Reaktif.
- B. Stail Negatif.
- C. Stail Objektif.
- D. Stail Historis.

Pemikir sentiasa mencari rahmat dan hikmah. Disiplin dan etika berfikir sentiasa berkiblatkan kepada al-Quran dan as-Sunnah kerana inilah jalan yang boleh mendisiplinkan pemikiran.

37. Penyataan di atas merujuk pada sifat pemikir kritis yang berikut:

- A. Proaktif.
- B. Tidak bias.
- C. Konsisten.
- D. Berdisplin dan beretika.

- Mencari fakta dan maklumat secukupnya berkenaan topik yang difikirkan
- Mencari beberapa jalan untuk menyelesaikan yang difikirkan
- Mendefinisikan perkara-perkara dan masalah yang akan dikupas secara terperinci
- Memikirkan cara untuk melaksanakan keputusan itu

38. Kenyataan di atas merujuk pada ciri-ciri:

- A. Stail Objektif
- B. Stail Analitikal
- C. Stail Sainifik
- D. Stail Historis

39. Berikut adalah panduan menjadi kritis:

- I. Bermain dengan bahasa atau kata-kata.
- II. Banyakkan menyoal.
- III. Berdebat / berbahas / berbincang.
- IV. Membaca dan mencari maklumat.

- A. I, II dan III.
- B. I, III dan IV.
- C. II, III dan IV.
- D. Semua di atas.

<p><i>Organom : The Prior Analytics</i> <i>Novum Organom (Francis Bacon)</i> <i>A System of Logic (John Steward Mill)</i></p>

40. Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. Karya Ilmiah Tentang Logik.
- B. Hubungan Inferens dan Logik.
- C. Hubungan Persepsi dan Intuisi.
- D. Bidang Logik.

~~Soalan objektif tamat~~

Bahagian B: (20 Markah)

Jawab **semua** soalan dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Jelaskan maksud Falasi Bias sendiri dan Falasi Putar Belit beserta dengan contoh yang sesuai. (5 Markah)
4. Terangkan secara ringkas **dua (2)** konteks formal dalam menyoal. (5 Markah)
5. Jelaskan **dua (2)** perbezaan antara ciri-ciri soalan bertumpu dan ciri-ciri soalan bercapah. (5 markah)
6. Terangkan **dua (2)** strategi menyoal berdasarkan teks beserta dengan contoh yang sesuai. (5 Markah)

~~Soalan Tamat~~
Selamat berjaya